

16/03/1999

Pembela selesai panggil saksi

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Ahad - Pasukan pembela Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menutup kes pembelaan selepas selesai memanggil saksi ke-22 memberi keterangan bagi menyokong kes mereka.

Sehubungan itu, Hakim Datuk S Augustine Paul menetapkan 23 Mac ini bagi pembela dan pendakwa berhujah sama ada Anwar disabitkan kesalahan atau dibebaskan daripada empat tuduhan rasuah.

Paul membuat keputusan itu selepas Gurbacahan Singh, seorang daripada sembilan peguam bela Anwar memohon diberi masa untuk menyiapkan hujah mereka.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail, tidak membantah permohonan pembela itu.

Sebelum itu, Gurbacahan memberitahu mahkamah pembela ingin menutup kes mereka selepas tidak bercadang untuk memanggil saksi lain memberi keterangan.

Beliau berkata, pembela tidak ada lagi saksi selepas mahkamah menolak permohonan untuk memanggil enam saksi baru bagi memberi keterangan berhubung tindakan polis mereka bukti untuk membabitkan Anwar dalam kes salah laku seksual dan liwat.

Bagaimanapun, katanya, jika dibenarkan oleh mahkamah, pembela ingin memanggil saksi formal wartawan daripada akhbar The Sun untuk mengesahkan satu laporan yang disiarkan oleh akhbar berkenaan.

Abdul Gani tidak membantah permohonan pembela itu.

Pembela memulakan kes mereka pada 8 Februari lalu apabila memanggil Anwar memberi keterangan membela diri ke atas empat tuduhan rasuah.

Selain Anwar, pembela juga memanggil bekas pegawai pengiring Timbalan Perdana Menteri, Asisten Superintendan Zull Aznam Haron; bekas setiausaha sulit kanannya, Mohamed Ahmad; bekas setiausaha sulitnya, Mohamed Azmin Ali dan isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Pembela juga memanggil semula bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang; timbalannya, Datuk Amir Junus dan Pegawai Penyiasat Senior Asisten Komisioner Musa Hassan memberi keterangan.

Mohd Said akan ditanya mengenai surat keduanya bertarikh 3 September 1997 yang dihantar kepada Perdana Menteri menyebut pembabitan beberapa orang dalam menjatuhkan Anwar.

Amir pula akan ditanya mengenai dakwaan bekas pegawai pengiring Anwar, Asisten Superintendan Zull Aznam Haron ada berbual dengan bekas timbalan pengarah cawangan khas itu.

Pembela ingin memanggil Musa untuk membolehkannya mengemukakan afidavitnya dalam kes Datuk S Nallakaruppan menjadi barangan kes dalam kes Anwar.

Bagaimanapun, permohonan pembela untuk memanggil peguam bela Datuk S Nallakaruppan, Manjeet Singh Dhillon; adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja; bekas penulis ucapan Anwar, Dr Munawar Ahmad Aness; pereka fesyen Meor Abdul Razak Yahya dan Nallakaruppan sebagai saksi pembela ditolak.

Pembela sudah memberitahu mahkamah pihaknya tidak bercadang memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai saksi.

Perbicaraan Anwar yang digelar `Perbicaraan Abad Ini di Malaysia' masih menarik minat ramai, orang ramai masih lagi beratur sejak awal pagi untuk masuk ke mahkamah.

Seramai 23 saksi pendakwa sudah dipanggil memberi keterangan termasuk Mohd Said, Amir, dua pegawai SB, Deputy Superintendan Abdul Aziz Hussin, Asisten Komisioner Mazlan Mohd Din, Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri, Datuk Alias Ali, Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali.

Anwar menghadapi empat tuduhan rasuah mengikut Seksyen 2(1) Ordinan 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga menghadapi satu lagi tuduhan amalan rasuah dan lima tuduhan liwat yang akan dibicarakan antara Disember hingga Jun tahun depan.

Lima tuduhan liwat itu didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Paul bagaimanapun belum menetapkan perbicaraan satu lagi kes amalan rasuah dan kes liwat. Beliau menetapkan supaya empat tuduhan rasuah dibicarakan terlebih dulu bermula pada 2 November lalu.

(END)